



## **MAJLIS DAERAH RAUB**

### **JABATAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

#### **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)**

**TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN  
OKTOBER 2021**

**BAHAGIAN PELESENAN  
NO TEL: 09-3551175 (EXT:116)**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH RAUB  
27600 RAUB  
PAHANG DARUL MAKMUR**

## **1. PENGENALAN**

### **TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi maklumat kepada pemohon lesen dikawasan pentadbiran Majlis Daerah Raub tentang tatacara proses permohonan lesen premis perniagaan mengikut peraturan yang ditetapkan. Adalah menjadi kewajipan pelesen mendapatkan lesen yang sah dari Majlis Daerah Raub sebelum menjalankan sebarang perniagaan.

Selain daripada itu Garis panduan ini juga akan memberi penerangan serta penjelasan kepada pelesen terhadap perkara seperti berikut:

- 1.1 Agensi mana yang perlu dirujuk untuk sokongan sebelum lesen diluluskan
- 1.2 Peruntukan Akta, undang-undang kecil serta peraturan semasa yang digunakan.
- 1.3 Keperluan dokumen yang menyokong permohonan.

## **2. SKOP PELESENAN**

### **2.1 JENIS LESEN YANG DIKELUARKAN**

#### **2.1.1 lesen tred, perniagaan dan perindustrian**

Semua jenis premis tred, perniagaan, perindustrian, perusahaan, perkhidmatan, pengajian, pendidikan, pejabat, pelancongan dan sebagainya.

#### **2.1.2 lesen Pengiklanan**

iklan merujuk kepada pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profession, firma, pertubuhan, organisasi, institusi, tempat, premis, acara, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain.

iklan ini termasuklah yang dipamerkan di papan dinding, paparan elektronik, papan, bumbung, papan, dinding, iklan, sepanduk, atap dinding, pagar pancang, pagar, pokok, rangka, plet, kain rentangan, jeriji, tiang, dawai, bingkai, kenderaan, papan elektronik, billboard tetapi tidak termasuk iklan pilihanraya.

iklan juga merangkumi yang terletak di atas dan di dalam bangunan, jalan, tempat peranginan awam atau mana-mana tanah dan termasuklah tanda langit, belon, banting, sepanduk, poster, tanda arahan dan papan tanda.

Iklan yang dikenakan lesen dalam 2 kategori iaitu:

- 2.1.2.1 Iklan bercahaya – Iklan yang disinari dari dalam struktur atau rangka iklan itu sendiri dengan lampu bebola, kalimantang atau lampu neon yang menyebabkan iklan itu Nampak jelas diwaktu malam.
- 2.1.2.1 Iklan tidak bercahaya – Tidak menggunakan lampu
- 2.1.3 lesen kedai kopi kedai makan  
Semua premis seperti kedai kopi, kedai makanan dan minuman, restoran, kafe dan kantin yang menjual makanan.
- 2.1.4 lesen establishmen makanan  
Semua premis yang menyediakan, mengilang, membungkus, menyimpan bahan makanan.
- 2.1.5 lesen hotel dan rumah tumpangan  
Hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah tamu dan asrama
- 2.1.6 Jenis atau aktiviti lesen yang dikeluarkan adalah seperti di **Jadual A**.

## **2.2 SEKATAN ATAU PEMBEKUAN SESUATU LESEN**

Selain itu juga, terdapat beberapa aktiviti perniagaan seperti senarai dibawah yang dilarang dan telah dibekukan permohonan baru oleh pihak berkuasa negeri diatas beberapa faktor dan pertimbangan Kerajaan Negeri Pahang dan PBT berkaitan. Senarai aktiviti perniagaan yang dibekukan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan oleh Pihak berkuasa negeri yang dibuat dari semasa ke semasa. (Perlu rujuk kepada PBT berkaitan untuk senarai terkini).

- 2.2.1 Pusat Kesihatan/ Rumah urut (refleksologi)
- 2.2.2 Barang Lusuh
- 2.2.3 Cafe Siber/ Pusat Internet
- 2.2.4 Pusat Hiburan Keluarga/ Pusat/ Arked Permainan Video (hanya dibenarkan di premis/ kompleks membeli belah) 5. Snooker (kecuali mendapat sokongan Pejabat Sukan Negeri yang dijadikan sebagai pusat latihan sukan)

- 2.2.5 Pengecualian lesen perniagaan professional (cth: Klinik swasta, perbankan, Pejabat urusan aktiviti profesional (hanya dikenakan lesen papan iklan sahaja)

### **2.3 PENGECUALIAN LESEN GOLONGAN PROFESIONAL**

Terdapat juga pengecualian keperluan pelesenan perniagaan yang diberikan oleh PBT negeri Pahang terhadap beberapa jenis aktiviti perniagaan professional seperti:

- 2.3.1 Klinik perubatan/pergigian swasta
- 2.3.2 Hospital swasta
- 2.3.3 Institusi kewangan/ bank,
- 2.3.4 Pejabat guaman
- 2.3.5 Pejabat akauntan
- 2.3.6 Firma arkitek

Senarai perniagaan diatas hanya dikenakan lesen papan iklan sahaja serta perlu merujuk serta mendaftar kepada Majlis Daerah Raub bagi mendapatkan kelulusan menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan.

### **2.4 ASAS PERUNDANGAN**

#### **AKTA**

- 2.4.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 2.4.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) undang undang
- 2.4.3 Akta Parit, Jalan Dan Bangunan 1976 (Akta 133)

#### **ENAKMEN**

- 2.4.4 Enakmen Hiburan 1993
- 2.4.5 Enakmen Hiburan (pindaan) 2006
- 2.4.6 Enakmen Hotel (Pahang) 2020

#### **UNDANG-UNDANG**

- 2.4.7 UUK Pengendali makanan (Majlis Daerah Raub) 1984
- 2.4.8 UUK Kawalan dan Penyeliaan Tempat-tempat Makan (Majlis Daerah Raub) 1986
- 2.4.9 UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian(Majlis Daerah Raub) 1987

### **3. SYARAT PEMATUHAN PERMOHONAN**

- 3.1 Terdapat beberapa syarat-syarat dan peraturan am yang perlu dipatuhi oleh pemohon sebelum mendapatkan Lesen Premis Perniagaan & Iklan, dan terdapat juga keperluan pematuhan yang perlu dipenuhi oleh pemohon selepas Lesen Premis Perniagaan & Iklan tersebut diluluskan

<b>DOKUMEN ASAS YANG PERLU DISERTAKAN</b>
Salinan kad pengenalan pemohon.
Foto pemohon berukuran passport yang terkini (2 keping).
Salinan Daftar Perniagaan (SSM) / Memorandum Syarikat (Form 9, 24,49).
Salinan Perjanjian Jualbeli / salinan perjanjian sewa bangunan diantara pemilik bangunan dan penyewa yang dimatikan setem.
Salinan bil cukai pintu yang terkini
Salinan resit pembelian alat pemadam api (dikeluarkan oleh Jabatan Bomba).
Gambar premis perniagaan (Luar dan dalam).
Plan ukuran ruang lantai premis perniagaan.
Plan lokasi premis.
Foto / lakaran setiap papan iklan dan lokasi papan iklan akan dipamerkan.
Surat kelulusan Pelan Bangunan/permit bangunan sementara
Salinan CCC/CFO
Salinan hakmilik / perjanjian sewaan / LPS
Surat sokongan Bomba

### 3.2 PEMOHON HENDAKLAH MENYEDIAKAN DOKUMEN ASAS DAN DOKUMEN TAMBAHAN (YANG BERKAITAN) SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN

DOKUMEN TAMBAHAN DIPERLUKAN SEKIRANYA MELIBATKAN AKTIVITI PERNIAGAAN SEPERTI BERIKUT:

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI PERNIAGAAN</b>	<b>DOKUMEN TAMBAHAN SEMASA PERMOHONAN</b>
1.	Pusat Snooker / Billiard / Mesin Video Dewan Muzik / Pusat Hiburan Keluarga / Bowling Pub/Bar/Lounge/Karaoke/Disko	Surat sokongan dari: 1)PDRM 2)Majlis Sukan Negeri
2.	Rumah Bir Jual / Menyimpan Minuman Keras (Borong / Runcit)	Kelulusan Setiausaha Kerajaan Tempatan (SUK)
3.	Lesen Pameran Kereta Terpakai Lesen Menyimpan Barang Buruk / Terpakai	Salinan Permit Barang Lusuh / Terpakai Dari Ibu Pejabat Polis
4.	Sekolah Persendirian (Tadika / Pusat Tuisyen / Pusat Komputer / Pusat Bahasa / Pusat Kemahiran / Kelas Perdagangan dan lain-lain aktiviti di bawah Akta Pelajaran)	Perakuan Pendaftaran dari Unit Pendidikan Swasta, Jabatan Pelajaran

5.	Taska Pusat Jagaan Kanak-kanak	Pendaftaran Taska dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Salinan sijil kursus pengendalian makanan Salinan kad suntikan TY2 Sijil Halal daripada JAKIM (jika perlu)
6.	Menjual Tiga / Empat Nombor Ekor / Tiket TOTO	Kementerian Dalam Negeri
7.	Pengurup Wang Berlesen	Gabenor Bank Negara
8.	Pemberi Pinjam Wang Berlesen Kedai Pajak Gadai	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
9.	Servis & Membekal Alat Pemadam Api Menyimpan Gas Petroleum Cecair Menyimpan Petroleum (Skid Tank) Menyimpan Minyak Merbahaya Menyimpan Minyak Tidak Merbahaya Menyetor Gas	Kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sokongan Bomba
10.	Percetakan	Kebenaran / lesen daripada Kementerian Dalam Negeri
11.	Restoran Kedai makanan Hotel	Senarai nama / maklumat pekerja Salinan kad suntikan TY2 (pemohon dan pekerja) Salinan sijil kursus pengendalian makanan (pemohon dan pekerja) Gambar perangkap minyak yang dipasang dengan sempurna Salinan fosim Domestik (Pendaftaran dengan Kementerian Kesihatan Malaysia)
12.	Salun kecantikan Kedai gunting	Laporan pemeriksaan kesihatan
13.	Barang lusuh	Lesen barang lusuh daripada Ibu Pejabat Polis
14.	Video / VCD	Sijil FINAS Kebenaran / surat sokongan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
15.	Penternakan burung walet	Salinan kursus perusahaan sarang burung walet. Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Bomba</li> <li>• Jabatan Perkhidmatan Veterinar</li> </ul>
16.	Perusahaan burung walet	Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Bomba</li> <li>• Jabatan Perkhidmatan Veterinar</li> <li>• Jabatan Kesihatan</li> </ul>
17.	Kilang beras / kedai menjual beras	Salinan lesen runcit bagi kawalan padi dan beras daripada Kementerian Pertanian.

18.	Refleksologi / Rumah urut / SPA	Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDRM</li> <li>• Jabatan Imegresen (jika perlu)</li> </ul>
19.	Dobi	Surat kelulusan pemasangan (ATI) serta pengoperasian (ATO) dari <ul style="list-style-type: none"> <li>• Suruhanjaya Tenaga</li> <li>• Bomba</li> </ul>
20.	Papan Iklan	Surat kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi papan iklan
21.	Kilang/pusat timbang/jualan anak benih sawit	Surat kelulusan dari MPOB
22.	Perusahaan/perindustrian	Kelulusan dari Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan(JKKP), Kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS)

### **3.3. SYARAT-SYARAT AM PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN**

- 3.3.1 Lesen yang dikeluarkan hendaklah dipamerkan ditempat yang boleh dilihat setiap masa (seksyen 107 (5) Akta 171.
- 3.3.2 Lesen hendaklah dipamerkan didalam ceper lesen (plet) yang disediakan oleh pihak MDR supaya berkeadaan sempurna. Ceper (Plet) yang rosak atau hilang perlu diganti baru dalam keadaan segera.
- 3.3.3 Bayaran lesen boleh dijelaskan mulai Januari hingga 28 Februari setiap tahun. Bayaran selepas tempoh tersebut akan dikenakan denda lewat bayar.
- 3.3.4 Lesen yang dikeluarkan akan tamat tempoh pada 31 disember setiap tahun.
- 3.3.5 MDR boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan lesen tanpa memberi lesen tanpa memberi sebarang sebab.
- 3.3.6 MDR boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa kesemasa mengikut keadaan (Seksyen 107 (3) Akta 171.
- 3.3.7 Pastikan cukai pintu dijelaskan terlebih dahulu sebelum membuat pembaharuan lesen perniagaan.
- 3.3.8 Memasang Bendera jalur Gemilang dan Bendera Negeri Pahang pada Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang dan Hari Kebangsaan serta hari kebesaran yang diarahkan oleh MDR.
- 3.3.9 Memaklum secara bertulis kepada MDR dengan kadar segera sekiranya pelesen ingin menamatkan perniagaan dan menurunkan papan iklan di premis berkenaan.
- 3.3.10 Mengemukakan borang pindah milik lesen sekiranya ingin membuat pertukaran nama pelesen.
- 3.3.11 Membaharui alat pemadam api dan mematuhi semua syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba & Penyelamat bagi tujuan keselamatan kebakaran.

- 3.3.12 Hendaklah pada setiap masa menunjukkan hormat dan taat setia kepada KDYMM Sultan Pahang dan KDYMM Seri Paduka banginda Yang Dipertua Agong berlandaskan kepada Perlembagaan dan Prinsip-prinsip Rukun Negara
- 3.3.13 Menggunakan tulisan jawi pada semua paparan iklan premis.

### **3.4 SYARAT KHUSUS PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN**

#### **3.4.1 SYARAT- SYARAT KELULUSAN LESEN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN**

- 3.4.1.1 Tidak boleh menjalankan apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.
- 3.4.1.2 Fi yang dibayar bagi lesen yang dikeluarkan tidak boleh dibayar balik
- 3.4.1.3 Pelesen hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis sekiranya berhenti mengendalikan premis tred, perniagaan dan perindustrian itu.
- 3.4.1.4 Pelesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi.
- 3.4.1.5 Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan di dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan di dalam tong sampah atau bekas sampah dan dilupuskan seperti arahan dari Majlis.
- 3.4.1.6 Tempat atau premis yang dilesenkan itu hendaklah disambungkan ke bekalan air awam.
- 3.4.1.7 Memastikan tandas dalam keadaan bersih serta di ada jadual kebersihan dan penyelenggaraannya.
- 3.4.1.8 Pelesen hendaklah menyenggara setiap bahagian premis tred, perniagaan atau perindustrian termasuk tandas, pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan bersih pada setiap masa.
- 3.4.1.9 Pelesen tidak boleh meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong karung atau benda atau lain-lain barang dibuang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.
- 3.4.1.10 Pelesen perlu memastikan bahawa pencahayaan premisnya mencukupi.
- 3.4.1.11 Pelesen perlu pastikan premisnya bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang cukup. Memastikan tangga dan jalan keluar yang cukup disediakan dan diselenggara serta memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar

bebas dari segala halangan dan setiap pintu didalamnya dibina dan dipasang supaya dapat dibuka dengan senang.

- 3.4.1.12 Simen dan larutan mudah bakar perlu disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang direkabentuknya telah mendapat kelulusan.
- 3.4.1.13 Pelesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap, haba, gas, pancaran, bau, hiduan, getaran asap atau jelaga daripada tempat atau premis berlesennya yang boleh menyebabkan suatu kacau ganggu atau yang mencemarkan udara.
- 3.4.1.14 Pelesen semasa menjalankan trednya tidak boleh membuat atau menyebabkan apa-apa kacau ganggu.
- 3.4.1.15 Majlis boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tertentu tidak dibenarkan yang dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Majlis dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.
- 3.4.1.16 Majlis boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan lesen jika terdapat mana-mana pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau mana-mana pelanggaran peruntukan Undang-undang Kecil ini. Tiada apa-apa di dalam Undang-undang Kecil ini boleh mengecualikan pemegang lesen daripada dikenakan tindakan pendakwaan.
- 3.4.1.17 Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian.
- 3.4.1.18 Pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang Majlis percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian
- 3.4.1.19 Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian itu apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.
- 3.4.1.20 Suatu lesen yang dikeluarkan ini tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran Majlis.
- 3.4.1.21 Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
- 3.4.1.22 Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

- 3.4.1.23 Pelesen ditegah meletakkan papan tanda / iklan di atas kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.
- 3.4.1.24 Pelesen ditegah meletakkan barang-barang jualan di kakilima dan tepi jalan yang boleh menyebabkan halangan.
- 3.4.1.24 Pelesen dikehendaki menguruskan dengan sempurna sisa buangan daripada aktiviti tred, perniagaan atau perindustrial
- 3.4.1.25 Pelesen ditegah menjalankan kerja-kerja megetuk / membaiki kenderaan atau lain lain kerja yang boleh menimbulkan kacauganggu selepas jam 7.00 malam.
- 3.4.1.26 Sebarang pengubahsuaian struktur atau penambahan premis hendaklah mendapat kebenaran / kelulusan Majlis.
- 3.4.1.27 Pelesen dikehendaki menghapuskan semua tempat yang mungkin ada pembiakan nyamuk.
- 3.4.1.28 Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
- 3.4.1.29 Bagi Ruang pejabat perlu memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain.
- 3.4.1.30 Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan hand sanitizer dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (face mask).
- 3.4.1.31 Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan.
- 3.4.1.32 Menyediakan hand sanitizer untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis, mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
- 3.4.1.33 Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
- 3.4.1.34 Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi serta mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

#### **3.4.2 SYARAT – SYARAT LESEN HOTEL, RUMAH TUMPANGAN**

- 3.4.2.1 Premis hendaklah mempunyai kemudahan asas yang sempurna dan mencukupi seperti bilik tandas dan bilik air, bilik tidur, tempat dapur, dewan makan/minum, tempat sambutan (reception), bilik menunggu, stor dan tempat letak kereta.
- 3.4.2.2 Hendaklah mempunyai tidak kurang dari sebuah tandas bagi setiap sepuluh orang penumpang atau setiap bilik tidur hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya katil, bilik tandas,

- tempat mandi, besen/sinki cuci tangan, tong sampah, almari dan meja.
- 3.4.2.3 Bekalan perlampuan dan peredaran udara bagi tiap-tiap bilik dan tandas hendaklah seperti yang dibenarkan oleh Majlis.
- 3.4.2.4 Alat-alat pencengahan kebakaran hendaklah disediakan seperti kehendak Jabatan Bomba. Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti ubat dan fan lain-lain alat perubatan yang perlu untuk kegunaan pekerja.
- 3.4.2.5 Salinan peraturan-peraturan dalam Bahasa Melayu dan lain-lain bahasa yang dibenarkan oleh Majlis hendaklah dipaparkan di tempat yang senang dilihat oleh semua penumpang.
- 3.4.2.6 Tiap-tiap Rumah Tumpangan/Hotel hendaklah sentiasa di jaga supaya berada didalam keadaan bersih dan dibekalkan dengan kemudahan yang sempurna.
- 3.4.2.7 Persundalan atau orang-orang yang berkelakuan jahat tidak dibenarkan menumpang atau berjumpa didalamnya.
- 3.4.2.8 Perjudian, mabuk atau sebarang kelakuan tidak senonoh tidak dibenarkan didalamnya.
- 3.4.2.9 Hiburan tidak boleh diadakan untuk orang ramai didalam mana-mana Rumah Tumpangan/Hotel yang diberi lesen dibawah kaedah-kaedah ini kecuali dengan kebenaran dari Majlis.
- 3.4.2.10 Semua alat-alat pemadam api harus diperiksa dan disahkan oleh Jabatan Bomba. (Mengemukakan salinan resit Bomba).
- 3.4.2.11 Dinding-dinding dan siling bangunan hendaklah di cat sempurna.
- 3.4.2.12 Hendaklah menyediakan sebuah peti kecemasan yang lengkap.
- 3.4.2.13 Hendaklah mengadakan tong-tong sampah yang sempurna untuk mengisi segala-gala sampah sarap. Karung Plastik hendaklah digunakan sepenuhnya.
- 3.4.2.14 Sebarang perniagaan dan penyediaan makanan/minuman hendaklah mendapat lesen dari Majlis terlebih dahulu.
- 3.4.2.15 Semua ruang bilik dan lain-lain tempat di premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
- 3.4.2.15 Semua pengendali makanan hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan dan layak mengendali makanan.
- 3.4.2.16 Mengadakan serobong asap 'chimney' dan kipas 'ekhaust' di dapur dan lain-lain tempat memasak premis.
- 3.4.2.17 Dapur hendaklah mempunyai perparitan dan perangkap minyak/lemak yang sempurna.
- 3.4.2.18 Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna serta keadaan bersih.
- 3.4.2.20 Bekalan air dan elektrik yang sempurna hendaklah disediakan di tiap-tiap buah bilik.

- 3.4.2.21 Hendaklah menyediakan lampu yang mencukupi untuk ruang laluan untuk kemudahan pelanggan.
- 3.4.2.22 Peti sejuk yang disediakan hendaklah sentiasa dibersihkan.
- 3.4.2.23 Langkah-langkah untuk mengawal segala jenis serangga seperti lipas, lalat, tikus dan lain-lain hendaklah diadakan.
- 3.4.2.24 Kawasan tangga dan pintu kecemasan hendaklah sentiasa dikosongkan bagi kegunaan pelanggan apabila berlaku kecemasan.
- 3.4.2.25 Menyediakan pelan laluan kecemasan pada premis dan di setiap bilik bagi tujuan apabila berlaku kecemasan. 38. Mempamerkan petunjuk arah Kiblat bagi setiap bilik. 39. Menyediakan tanda "KELUAR" (berlampu) di pintu-pintu laluan keluar.
- 3.4.2.26 Pelesen dikehendaki menghapuskan semua tempat yang mungkin ada pembiakan nyamuk.
- 3.4.1.27 Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
- 3.4.1.28 Bagi Ruang pejabat perlu memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain.
- 3.4.1.29 Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan hand sanitizer dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (face mask).
- 3.4.1.30 Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan.
- 3.4.1.31 Menyediakan hand sanitizer untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis, mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
- 3.4.1.32 Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
- 3.4.1.33 Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi. 54. Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

### 3.4.3 SYARAT-SYARAT KESIHATAN BAGI LESEN PREMIS MAKANAN

- 3.4.3.1 Semua pekerja dikehendaki menjalankan pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu.
- 3.4.3.2 Semua pekerja hendaklah mengamalkan kebersihan diri sendiri dengan memakai pakaian yang bersih dan berkuku pendek.
- 3.4.3.3 Dinding-dinding di ruang dewan dan dapur hendaklah diperbuat dari batu mamar (glazed tiles) sekurang-kurangnya 1.5 meter tinggi paras lantai.

- 3.4.3.4 Lantai di bahagian dewan makan dan bilik dapur hendaklah di turap dengan 'mosaic', jubin bata, mamar atau bahan lain yang sesuai dan mudah dicuci dan bersih dipandang.
- 3.4.3.5 Kesemua permukaan meja dan kerusi-kerusi hendaklah diperbuat daripada fomica atau bahan bahan seumpamanya.
- 3.4.3.6 Dilarang mempamerkan gambar-gambar iklan yang menjolok mata di dinding.
- 3.4.3.7 Hendaklah mengadakan cerobong asap (smoke hood flow) dan kipas penyedut (extractor fan) di bahagian dapur jika perlu.
- 3.4.3.8 Gunakan bekalan air paip sahaja untuk menyediakan makanan dan membasuh perkakasperkakas dan benda-benda makanan.
- 3.4.3.9 Sediakan sebuah sink dengan bekalan air paip di tempat yang sesuai di bahagian dapur bagi kegunaan mencuci alat-alat.
- 3.4.3.10 Hendaklah menyediakan tong sampah yang bertudung di bahagian dapur.
- 3.4.3.11 Tidak dibenarkan memasak atau menyediakan makanan dan minuman di luar bangunan kedai.
- 3.4.3.12 Bilik air dan tandas hendaklah sentiasa dibersihkan.
- 3.4.3.13 Hendaklah menyediakan sebuah bilik setor semua barang-barang di dalam setor tersebut hendaklah disimpan dalam keadaan teratur dan kemas.
- 3.4.3.14 Semua makanan sama ada yang telah dimasak atau belum dimasak hendaklah dijaga supaya tidak dicemari oleh habuk-habuk, kekotoran, tikus, lipas, lalat atau lain-lain serangga.
- 3.4.3.15 Semua jenis makanan yang diletak untuk dijual tidak dibenarkan di sentuh dengan tangan atau jari tetapi hendaklah menggunkan alat-alat seperti penyepit, penyeduk, copstick, sudu / garpu atau lain-lain yang seumpamanya.
- 3.4.3.16 Peti sejuk hendaklah sentiasa dibersihkan.
- 3.4.3.17 Dinding-dinding dan syiling seluruh bahagian kedai hendaklah disapu dengan cat.
- 3.4.3.18 Hendaklah meletakkan tong sampah yang sempurna bagi kegunaan kedai.
- 3.4.3.19 Kad-kad lesen dan plet-plet lesen hendaklah dipamerkan di ruang kedai.
- 3.4.3.20 Sebarang penjualan apa-apa jenis minuman keras atau yang memabukkan melalui kedai ini adalah tidak dibenarkan.
- 3.4.3.21 Tidak dibenarkan memasang dan memainkan apa-apa jenis alat pembesar suara atau peralatan muzik di dalam kedai tersebut tanpa kebenaran Majlis.
- 3.4.3.22 Tidak dibenarkan membasuh, memasak atau meletakkan apa-apa barang dan perkakas kepunyaan kedai di sebelah, tepi dan belakang kedai.
- 3.4.3.23 Sebarang bentuk perjudian adalah diharamkan.

- 3.4.3.24 Semua pekerja yang mengendalikan makanan hendaklah memakai apron dan topi / penutup kepala.
- 3.4.3.25 Dilarang merokok semasa menyediakan / menguruskan sebarang makanan dan minuman.
- 3.4.3.26 Hendaklah memakai baju berlengan semasa berniaga dan memasak.
- 3.4.3.27 Dikehendaki memasang perangkap minyak untuk mengawal lemak dari sisa makanan mengalir terus ke dalam longkang.
- 3.4.3.28 Memasang papan tanda harga makanan dan minuman bagi kemudahan pelanggan.
- 3.4.3.29 Dikehendaki menghadiri kursus pengendalian makanan yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan.
- 3.4.3.30 Waktu operasi perniagaan bagi perniagaan makanan Islam pada bulan Ramadhan dibenarkan bermula jam 3.00 petang.
- 3.4.3.31 Aktiviti hiburan perlu mendapat kelulusan dari Majlis terlebih dahulu.
- 3.4.3.32 Salinan resit pemadam api dari jabatan bomba.
- 3.4.3.33 Perlu menyediakan peti kecemasan.
- 3.4.3.34 Kerusi / meja tambahan di luar premis (jika ada) perlu mendapatkan permit dari Majlis.
- 3.4.3.35 Dikehendaki mempamerkan papan tanda "dilarang merokok" di dalam premis.
- 3.4.3.36 Melaksanakan kempen "go green", hari tanpa beg plastik / penyedut minuman (straw) di premis makanan.
- 3.4.3.37 Pelesen dikehendaki menghapuskan semua tempat yang mungkin ada pembiakan nyamuk.
- 3.4.3.38 Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
- 3.4.3.28 Bagi Ruang pejabat perlu memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain.
- 3.4.3.29 Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan hand sanitizer dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (face mask).
- 3.4.3.30 Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan.
- 3.4.3.31 Menyediakan hand sanitizer untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis, mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
- 3.4.3.32 Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.

- 3.4.3.33 Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi. Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

#### **3.4.4 SYARAT-SYARAT LESEN ESTABLISYMEN MAKANAN**

- 3.4.4.1 Adalah diingatkan Majlis boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab. selain daripada kehendak syaratsyarat yang tersebut, Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa ke semasa mengikut keadaan (SEKSYEN 107 (3) AKTA 171).
- 3.4.4.2 Kemudahan sanitasi seperti tandas, bilik air, tempat membasuh tangan, urinal dan sebagainya hendaklah disediakan dan dijaga dalam keadaan yang bersih dan sempurna pada setiap masa.
- 3.4.4.3 Menyediakan tong sampah yang sempurna dan mencukupi serta menggunakan karung plastik bagi pembuangan sampah perniagaan.
- 3.4.4.4 Sekurang-kurangnya sebuah peti ubat yang lengkap hendaklah disediakan.
- 3.4.4.5 Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi serta diakui sah oleh Jabatan Bomba.
- 3.4.4.6 Bangunan premis hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa. Mana-mana bahagian yang sudah rosak dan kelihatan kotor perlulah diperbaiki dan disapu cat/kapur semula.
- 3.4.4.7 Semua sambungan dan perubahan yang hendak dibuat ke atas bangunan asal hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran pihak Majlis.
- 3.4.4.8 Tempat awam termasuk kaki lima, longkang, lorong belakang, jalan susur dan sebagainya hendaklah bebas dari sebarang halangan pada setiap masa.
- 3.4.4.9 Mengadakan langkah-langkah pencegahan daripada serangga perosak seperti lipas dan (roden) tikus.
- 3.4.4.10 Binatang ternakan seperti anjing, kucing, burung dan sebagainya tidak boleh dibawa masuk ke dalam premis.
- 3.4.4.11 Semua makanan dan minuman yang dikeluarkan hendaklah mematuhi "standard" dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 3.4.4.12 Semua pembungkus makanan dan minuman yang telah siap mestilah dari jenis yang tidak resap air. Barang makanan tidak boleh diletak di atas lantai walaupun ianya telah dibungkus.
- 3.4.4.13 Semua pekerja yang terlibat dalam pengendalian makanan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan.
- 3.4.4.14 Semua pekerja hendaklah menjalani kursus pengendalian makanan.
- 3.4.4.15 Semua pekerja hendaklah memakai pakaian yang sesuai dan bersih serta lengkap dengan apron & penutup kepala semasa bekerja.

- 3.4.4.16 Pemakaian singlet yang tidak berlungan dan seluar pendek tidak dibenarkan.
- 3.4.4.17 Semua pengendali makanan dikehendaki mematuhi peraturan bagi pengendali makanan didalam undang-undang kecil Pengendali Makanan 1984.
- 3.4.4.18 Dikehendaki mempamerkan papan tanda “larangan dijual kepada orang islam”.
- 3.4.4.19 Dikehendaki mengasingkan produk halal dan tidak halal.
- 3.4.4.20 Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
- 3.4.4.21 Memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain.
- 3.4.4.22 Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan hand sanitizer dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (face mask).
- 3.4.4.23 Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan.
- 3.4.3.24 Menyediakan hand sanitizer untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis.
- 3.4.4.25 Mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
- 3.4.4.26 Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
- 3.4.4.27 Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi.
- 3.4.4.28 Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

### **3.4.5 SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN**

- 3.4.5.1 Papan iklan / papan tanda perniagaan hendaklah diselenggarakan dalam keadaan yang baik dari segi keindahan dan strukturnya.
- 3.4.5.2 Sebarang tambahan papan iklan atau pindaan pada papan iklan hendaklah mendapat kelulusan dari pihak Majlis terlebih dahulu.
- 3.4.5.3 Hendaklah menggunakan tulisan jawi disebelah atas papan iklan dan tulisannya hendaklah lebih besar dari lain-lain Bahasa.
- 3.4.5.4 Bahasa Malaysia hendak lebih besar daripada lain-lain Bahasa.

## **4.0 KAEDAH PERMOHONAN**

4.1 Pemohon hendaklah hadir sendiri ke bahagian pelesenan Majlis Daerah Raub untuk mendapatkan borang permohonan lesen ataupun di lawan sesawang [http://www.mdraub.gov.my/sites/default/files/mdraub/sumber/muat\\_turun\\_borang/muat\\_turun\\_borang/img\\_20141110\\_0004\\_new\\_new\\_new\\_new.pdf](http://www.mdraub.gov.my/sites/default/files/mdraub/sumber/muat_turun_borang/muat_turun_borang/img_20141110_0004_new_new_new_new.pdf)

4.2 Borang Permohonan Dan Keperluan Dokumen Sokongan

Borang permohonan yang digunakan ialah Borang Komposit Bagi Permohonan Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan.

- Borang permohonan dan dokumen yang lengkap hendaklah diserahkan di kaunter bahagian pelesenan. Pemohon akan diberikan resit bayaran proses permohonan sebagai rujukan.

4.3 Bayaran Yang Dikenakan (Fi dan Caj)

- Pemohon akan dikenakan caj bayaran RM10.00 bagi tujuan pemrosesan.
- Kadar lesen yang dikenakan seperti di Jadual B

4.4 Carta Alir Proses Utama .

**BORANG PERMOHONAN HENDAKLAH DISERAHKAN DI KAUNTER BAHAGIAN PELESENAN. HANYA PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA YANG AKAN DITERIMA DAN DIPROSES.**

## **5.0 KEPUTUSAN KELULUSAN PERMOHONAN**

5.1 Kelulusan permohonan yang Berjaya akan disampaikan kepada pemohon melalui dua (2) cara iaitu melalui telefon dan surat sahaja.

## **6.0 PEMBAHARUAN, PINDAAN DAN PEMBATALAN LESEN**

6.1 Pembaharuan

Lesen perniagaan diperlu diperbaharui setiap tahun. Tarikh tamat lesen adalah pada 31 Disember setiap tahun dan pelesen diberi sehingga bulan february tahun hadapan bagi memperbaharunya di Bahagian Pelesen Majlis Daerah Raub. Pelesen perlu membaca lesen perniagaan tahun sebelum dan Salinan cukai pintu sebelum membuat pembaharuan lesen.


6.2 Pindaan

Pelesen hendaklah memaklumkan kepada bahagian pelesenan sekiranya terdapat pindaan kepada maklumat pelesenan.


6.3 Pembatalan

Sekiranya lesen perniagaan ingin ditamatkan, pelesen dikehendaki membuat pembatalan lesen di bahagian pelesenan dengan mengisi borang pembatalan atau menulis surat dan nyatakan sebab-sebab pembatalan.

**KAEDAH PERMOHONAN  
LESEN TIDAK BERISIKO (KELULUSAN 1 JAM)**



# LESEN BERISIKO (KELULUSAN 30 HARI)



**SENARAI AKTIVITI PERNIAGAAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN**

NO	SEKTOR	NO	SENARAI AKTIVITI PERNIAGAAN
1	PERKILANGAN / PERINDUSTRIAN/ BENGKEL / KEJURUTERAAN	1	Kilang Membuat Alat Tulis
		2	Kilang Membuat Barang Kimia (Industri dan Pertanian)
		3	Kilang Membuat Badan dan Enjin Kenderaan
		4	Kilang Membuat Bahan Pengilap
		5	Kilang Membuat Barang Elektrik dan Elektronik
		6	Kilang Perusahaan Berasaskan Getah
		7	Kilang Perusahaan Berasaskan Kelapa Sawit
		8	Kilang Membuat Barangan Kaca dan Gentian
		9	Kilang Membuat Barangan Logam Besi, Keluli dan Aluminium
		10	Kilang Membuat Barangan Plastik
		11	Kilang Membuat Basikal
		12	Kilang Membuat Batu Bata/Batu Jubin / Marmar dan Berkaitan
		13	Kilang Membuat Botol
		14	Kilang Membuat Cat / Dakwat
		15	Kilang Membuat Produk Perubatan dan Farmaseutikal
		16	Kilang Membuat Kabel dan Wayar
		17	Kilang Membuat Kapur dan Tembikar
		18	Kilang Membuat Kertas
		19	Kilang Membuat Lilin dan Gam
		20	Kilang Membuat Makanan dan Minuman
		21	Kilang Pembungkusan Produk Makanan
		22	Kilang Pembungkusan Produk Bukan Makanan
		23	Kilang Membuat Pakaian
		24	Kilang Membuat Perabot
		25	Kilang Membuat Sabun / Serbuk / Bahan Pencuci
		26	Kilang Membuat Ubat Nyamuk
		27	Kilang Membuat Mercun dan Bahan Letupan
		28	Kilang Ais
		29	Kilang Beras/Padi

NO	SEKTOR	NO	SENARAI AKTIVITI PERNIAGAAN
		30	Kilang Membeku Hasil Laut
		31	Kilang Memproses Produk Hasil Laut
		32	Kilang Memproses Ayam
		33	Kilang Memproses Makanan Ternakan
		34	Kilang Rempah
		35	Kilang Sos
		36	Kilang Tepung
		37	Kilang Alat Ganti / Alat Tambah
		38	Kilang Alat Permainan Kanak-Kanak
		39	Kilang Barangan Kosmetik / Dandanani Diri
		40	Kilang Bateri
		41	Kilang Biodiesel
		42	Kilang Membuat Genting Bumbung
		43	Kilang Membuat Kelengkapan Rumah
